

Keutuhan Keimanan Jati Diri Remaja Melalui Kisah Dalam Al-Quran

Nurzatil Ismah binti Azizan, Prof Dato' Dr Zulkifli Mohd Yusoff

ABSTRAK

Jati diri remaja di dalam al-Quran dibentuk dengan asas utama iaitu keteguhan keimanan kepada Allah SWT, ia dipaparkan dalam kisah-kisah remaja di dalam al-Quran. Proses pembentukan jati diri menekankan aspek spiritual yang menyumbang pengaruh terbesar kepada proses tersebut. Ia berikutan keimanan dalam diri adalah aspek paling penting bagi seorang muslim. Iman merupakan aspek yang membezakan antara individu dengan individu lain. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menganalisis proses pembentukan jati diri remaja khusus berkenaan keteguhan keimanan kepada Allah SWT walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dengan rekabentuk kajian pensejarahan. Instrumen yang digunakan ialah dokumen iaitu al-Quran seterusnya dianalisis dengan pendekatan induktif. Dapatan kajian menemui bahawa remaja di dalam al-Quran membentuk jati diri dengan keteguhan keimanan kepada Allah SWT dengan asas tauhid dalam menghadapi pelbagai situasi kehidupan untuk mempertahankan akidah. Ia menjadikan kisah-kisah remaja dalam al-Quran wajar dijadikan contoh kepada remaja pada masa kini dalam proses membentuk jati diri khususnya meningkatkan keimanan kepada Allah SWT.

Kata Kunci: Keutuhan keimanan, jati diri, remaja, kisah, al-Quran.

ABSTRACT

Teenage identity in the Quran is founded on the fundamental principle of faith in Allah Almighty, it is reflected in the stories of teenagers in the Quran. The process of self-formation emphasizes the spiritual aspects that contribute most to the process. It is because the faith in itself is the most important aspect of a Muslim. Faith is an aspect that distinguishes between individuals and individuals. This study is aimed at analyzing the process of adolescent self-development specific to the strength of faith in Allah SWT despite facing various life challenges. This study uses a qualitative research approach with a research study design. The instrument used is the document of the Quran which is further analyzed by inductive approach. The study found that teenagers in the Quran form their identity with strong faith in Allah SWT with the basis of faith in coping with various life situations in order to defend their faith. It makes the stories of teenagers in the Quran to be an example to today's teenagers in the process of self-identity especially enhancing their faith in Allah Almighty.

Key words: Faithfulness of faith, identity, teenager, story, al-Quran.

1. PENDAHULUAN

Remaja pada masa kini memerlukan ketahanan aspek kerohanian dalam menghadapi cabaran era kemodenan. Ianya penting supaya remaja dapat membezakan antara perkara yang hak dan batil dalam kehidupan. Tanpa kekuatan kerohanian, remaja akan mudah terlibat dengan gejala yang tidak sihat dan masalah sosial yang berlaku pada masa kini. Antara aspek kekuatan kerohanian dalam diri remaja yang diperlukan ialah keteguhan keimanan dalam diri kepada Allah SWT.

Remaja pada masa kini ramai yang terlibat dengan gejala tidak sihat seperti masalah sosial. Kajian Populasi dan Keluarga Malaysia

menunjukkan budaya remaja terjebak dalam aktiviti seks sebelum nikah meningkat daripada 0.9 peratus pada tahun 1994 kepada 2.2 peratus pada tahun 2004 dan 4.8 peratus pada 2014.10 Majlis AIDS Malaysia(MAC) melaporkan jangkitan HIV dalam kalangan pengamal homoseksual di Malaysia adalah sebanyak 46 peratus pada tahun 2016, dan 40% daripada penghidap adalah berusia 20-29 tahun (Sharifah Norshah, 2018). Ia menunjukkan masalah sosial pada masa kini tidak mampu lagi dibendung.

Paparan data statistik mendapati masalah sosial remaja kini berada pada tahap yang membimbangkan. Menurut perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2000 sehingga 2008 terdapat 257,000 sijil kelahiran yang didaftarkan tanpa catatan nama bapa. Ini bermakna secara purata hampir 2500 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan dan hampir 84 kes setiap hari. Negeri Selangor didapati mempunyai kes masalah sosial yang paling tinggi berbanding negeri lain. Ia mencatatkan bilangan paling tinggi iaitu 12,836 orang bayi dengan jumlah keseluruhan di seluruh negara ialah 70,430 anak luar nikah telah didaftarkan . Ini diikuti Perak 9788, Kuala Lumpur 9439, Sabah 8435, Negeri Sembilan 4108, Sarawak 617 dan Terengganu 574 orang. Pecahan mengikut agama adalah 30,978 Islam, 18,085 Hindu, 17,236 Buddha dan Kristian 3395 orang (Khadijah Alavi, 2012). Malah menurut perangkaan yang direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, pada tahun 2011 sehingga 2015 terdapat 263,691 orang kelahiran anak tidak sah taraf (Idris, 2016) Penambahan statistik menunjukkan bahawa penyelesaian segera perlu dilaksanakan.

Jenayah kecurian yang melibatkan harta benda meningkat dari 31,838 kepada 36,161 kes dalam tempoh yang sama. Statistik jenayah pelajar di Selangor pula pada tahun 2013 mencatat jumlah 873 (berumur 7 hingga 18) dan sehingga Mac 2014 ia mencatat 135 orang (Sinar harian, 2014). Jumlah kes narkotik sehingga oktober 2013 sebanyak 18,063.

Statistik menunjukkan kes jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak di negara ini didapati meningkat setiap tahun. Pada 2005, kes rogol paling banyak diterima iaitu sebanyak 1,931 dan diikuti kes cabul 973 kes dan liwat 71 kes. Pada 2006, kes rogol meningkat kepada 2,041, Kementerian Kesihatan di bawah Dr Rose Lena Lazemi mendedahkan bahawa pada tahun 2015 sebanyak 3980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandungi anak luar nikah. Lima negeri mencatatkan angka kes kehamilan tertinggi iaitu Sabah 3048 kes, Sarawak 2910 kes, Selangor 1461 kes, Johor 1319 kes dan Pahang 940 kes. Bermula tahun 2011 sehingga 2013 seramai 18,000 remaja hamil mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan kerajaan. Secara purata terdapat 1500 kes remaja hamil dalam sebulan dan 50 kes sehari dilaporkan di seluruh negara (Utusan, 2016)

Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor menjalankan kajian di sekolah daerah Lembah Klang mendapati 25% hingga 30% pelajar sekolah menengah mengaku telah melakukan hubungan seks sejak memasuki sekolah menengah. Kajian yang sama menunjukkan 60% hingga 70% pelajar sekolah rendah berumur 9 hingga 12 tahun mengetahui mengenai seks dan berminat untuk mengetahui lebih lanjut melalui bahan-bahan lucah. Manakala kajian yang dilakukan oleh Dr Khaidzir Ismail iaitu pakar kanak-kanak mendapati 887 pelajar

perempuan di sebuah sekolah menengah negeri dikategorikan berisiko tinggi melakukan hubungan seks kecuali seorang (Moh Khairul, 2010).

Terdapat beberapa isu-isu konflik dalam kalangan remaja iaitu remaja dan tekanan, masalah juvana, tingkah laku lepak dan penyalahgunaan dadah. Burchfield menyatakan sebahagian pengkaji mentakrifkan tekanan remaja tindak balas sama ada dari aspek fizikal atau psikologi terhadap sesuatu perkara. Ada yang mentakrifkan peristiwa yang berlaku dan penilaian serta kemampuan seseorang untuk menghadapi peristiwa tersebut (Melati, 1997).

Dengan peningkatan masalah sosial remaja di Malaysia, perlu kepada seluruh masyarakat Islam kembali kepada fitrah kejadian manusia iaitu fitrah beragama. Penghayatan agama merupakan perkara yang penting dalam membentuk jati diri remaja. Negara memerlukan kaedah pemulihan dalam melaksanakan proses mengatasi masalah sosial ini. Malaysia menggunakan pendekatan defisit dalam mengatasinya iaitu menangani tingkah laku delinkuen belia dengan mengenalpasti punca penyakit dan rawatannya (Hanina, 2010). Penyebab utama kepada masalah sosial ialah tidak beramal dengan agama dan penyelesaiannya terdapat di dalam al-Quran. Al-Quran memberi jawapan kepada proses bagaimana seharusnya jati diri remaja perlu dibentuk dan penyelesaian kepada permasalahan ini.

Islam memandang masalah sosial adalah masalah yang berkait dengan komuniti manusia itu sendiri. Masalah sosial dalam kalangan masyarakat berpunca daripada manusia dan hanya dapat diselesaikan dengan menyelesaikan masalah manusia. Antara pendekatan yang perlu dilakukan dalam mengatasi masalah tersebut ialah melaksanakan pelan

pembangunan ummah dan menyelesaikan cabang kepada masalah manusia (Zulkifli, 2004).

Masalah sosial merangkumi pelbagai perlakuan negatif yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan atau kekuatan kepada sistem masyarakat. Bahkan masalah sosial seringkali dikaitkan dengan masalah akhlak (Hairunnaja, 2007). Remaja yang tidak memahami akhlak dalam Islam, tidak mengetahui akidah yang benar dan tidak berpegang kepada syariat Islam akan cenderung melakukan masalah sosial.

Kajian ini menekankan bahawa masalah salah laku seksual menjadi masalah yang berat dan sedang menuju kehancuran peradaban ummah. Ia perlu dibanteras dengan pendekatan terbaik bagi membina semula tamadun Islam yang dimusnahkan oleh umat Islam sendiri. Perlu kepada penekanan aspek Jati Diri dalam diri remaja agar masalah ini dapat dipulihkan khususnya dengan meneliti kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan aspek jati diri ikon remaja di dalam al-Quran khusus dalam aspek keteguhan keimanan kepada Allah SWT. Kehebatan mereka dalam mempertahankan akidah menjadikan remaja-remaja tersebut sebagai contoh teladan bagi remaja pada masa kini dalam proses membentuk jati diri.

2. JATI DIRI REMAJA

Jati diri dibina dengan dua perkataan yakni jati dan diri. Jati bermaksud asli, murni, tulen dan tidak bercampur (Kamus Dewan, 2007). Diri bermakna seseorang atau empunya badan (Kamus Dewan, 2007).

Daripada dua perkataan tersebut jati diri membawa makna sifat atau keistimewaan sama ada dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang boleh menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa (Kamus Dewan, 2010). Termasuk dalam makna jati diri ialah sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Ahmad Mohd Said, 2009).

Usaha pembentukan jati diri adalah merupakan satu usaha yang berterusan agar ia kekal sehati dan utuh dalam diri setiap individu. (Sharifah Norshah, 2018). Dalam globalisasi dan dunia tanpa sempadan seperti hari ini, remaja menghadapi cabaran yang sangat besar untuk membentuk jati diri mereka agar selari dengan kehendak syariat Islam. Keimanan yang utuh dalam diri amat diperlukan supaya tidak terjebak dengan akhlak yang keji.

Perbahasan berkenaan definisi remaja mempunyai pelbagai takrifan dalam pelbagai bidang kepakaran. Antaranya ahli bahasa, ahli psikologi dan ahli sosiologi. Remaja membawa maksud mulai mendewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. (Hairunnaja Najmuddin, 2010). Remaja umumnya berusia antara 12 sehingga 21 tahun. *Commonwealth Youth Programme* menetapkan belia atau remaja ialah individu berusia 15 sehingga 29 tahun. Manakala Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan belia berusia 15 sehingga 24 tahun. (Hanina Halimatussaadiah Hamsan, 2010). Umur remaja bermula sekitar 10 sehingga 13 tahun dan akhir umur remaja sekitar 17 hingga 24 tahun. (Mohd Zohdi b. Mohd Amin, 2014).

3. KEIMANAN KEPADA ALLAH SWT DALAM MEMBENTUK JATI DIRI REMAJA

Keimanan kepada Allah SWT merupakan aspek penting dalam diri seorang remaja supaya dapat menjalani kehidupan dengan kepatuhan kepada agama. Ibnu Manzur (1991) dalam *Lisān al-‘Arab* membawakan makna (ءامن) dengan beberapa makna iaitu takut, khianat, ingkar, membenarkan serta keyakinan untuk mendustakan. Sedangkan kata iman yang asal *āmīna* (ءامن) membawa makna aman atau tenteram, selain itu ada juga kata yang berdekatan *amānatan* (أمانة) yang berasal dari kalimah *āmuna* (ءامن). Semua kalimah ini menggambarkan makna keyakinan dalam diri seseorang adalah hasil daripada pengetahuan yang diperolehinya, yang menghasilkan sifat amanah dalam keyakinannya, kesannya timbul ketenteraman dalam kehidupannya (Dindin, 2017). Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa keimanan dalam diri manusia hanya akan timbul dengan ilmu pengetahuan dan akhirnya membentuk rasa ketenteraman dalam diri atas keyakinan bahawa terdapat kuasa lain yang Maha Besar yang mengawal dan memberi ketenangan kepada kehidupan manusia.

Masyarakat Arab telah menggunakan kalimah iman bagi menggambarkan keyakinan semua keadaan yang dapat melindungi seluruh manusia. Pada masa pra-Islam terdapat berbagai keyakinan seperti menyembah bulan, binatang, malah antara ada yang berpegang kepada ateis kerana hanya mengikuti tradisi nenek moyang. Manakala di Makkah kebanyakan mereka adalah penyembah berhala, hanya sedikit sahaja golongan yang mengikuti ajaran Nabi Ibrahim AS dan agama Samawi seperti Nasrani dan Yahudi. Malah kalimah iman juga

digunakan dalam syair-syair arab oleh Yahudi dan Nasrani (Dindin, 2017).

Kalimah iman pada masa pra-Islam digunakan sebagai simbol keyakinan hati terhadap apa-apa yang telah disampaikan mengenai keagungan Tuhan, ataupun hal-hal yang spiritual. Ketika kedatangan Islam kalimah iman digunakan sebagai keyakinan hati terhadap kekuasaan dan kebenaran Tuhan, dengan tanda-tandanya serta hal yang merubah mengenai keyakinan-keyakinan penyembah berhala (Dindin, 2017).

Terdapat perbezaan penggunaan kalimah iman dalam Al-Quran iaitu ianya ditulis berdasarkan subjek yang ingin disebut. Antaranya ayat yang ditujukan kepada orang-orang beriman dalam kalangan sahabat zaman Rasulullah SAW, nabi, ahli kitab, orang-orang beriman terdahulu dan orang-orang kafir. Kadangkala penggunaan kalimah iman menggambarkan makna seseorang telah beriman tetapi masih mempunyai keraguan, khususnya terhadap hal-hal ghaib yang sukar difahami oleh indera manusia (Dindin, 2017).

Al-Quran menyediakan kepada umat manusia kisah-kisah yang wajar dijadikan panduan dalam kehidupan. Pelbagai aspek penceritaan dapat menjadi panduan sama ada dalam akhlak, akidah dan syariah. Kalimah *Qiṣṣah* membawa makna menjejaki sesuatu kesan (Mohd Shahrizal, 2014. Mannāq al-Qaṭṭān, 2017) dan juga bermaksud mencari (Mannāq al-Qaṭṭān, 2017) Kisah dalam al-Quran tidak diwahyukan dengan sia-sia, ianya bertujuan memberi pengajaran dalam kehidupan seharian (Mohd Shahrizal, 2014). Penekanan berkenaan kisah dalam al-Quran jelas apabila lapan juzu' daripada 30 juzu' al-Quran menghimpunkan pelbagai kisah. Namun Allah SWT tidak menyusun kisah dalam al-Quran dengan

juzu' yang teratur, ianya diletakkan pada pelbagai surah dan susunan sebagai salah satu mukjizat (Syaari, 2019). Ianya bukti bahawa al-Quran bukan daripada manusia atas kehebatan penyusunan babak-babak kisah yang pelbagai, al-Quran tidak hanya menjelaskan kisah-kisah yang telah berlaku malah kisah yang akan berlaku sebagai bukti kemukjizatannya.

Penelitian terhadap kisah dalam al-Quran mendapati bahawa ciri-ciri khusus kisah dalam al-Quran ialah (Mohd Shahrizal, 2014):

- I. Mengandungi pengajaran yang bermanfaat.
- II. Kisah benar yang berlaku, bukan kisah rekaan.
- III. Mempunyai tujuan yang tertentu
- IV. Menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang yang beriman
- V. Tidak menyamai ilmu kesusasteraan yang perlu mempunyai watak, plot yang terperinci, Latar belakang tempat dan masa yang jelas.

Ianya membuktikan bahawa al-Quran benar-benar daripada Allah SWT yang tidak menyamai mana-mana kisah dalam kesusasteraan pada masa kini. Dengan membaca kisah-kisah dalam al-Quran, umat Islam akan merasai keimanan kepada Allah SWT yang menyusun, melakar dan memberi jalan cerita terhadap kisah-kisah tersebut dengan baik malah menyentuh hati manusia.

Mannāq al-Qaṭṭān (2017) dalam karyanya *Mabahith Fi 'Ulum al-Quran* menyatakan bahawa terdapat tiga jenis kisah dalam al-Quran iaitu:

- I. Kisah para nabi yang mengandung dakwah kepada kaumnya. Termasuk dalam kisah ini ialah mukjizat dalam dakwah, sikap golongan yang memusuhi, perkembangan dakwah serta akibat bagi golongan yang mendustakan nabi. Contoh kisah Nabi Nuh dan Nabi Muhammad SAW.
- II. Kisah yang berlaku pada masa dahulu dan golongan yang tidak dapat dipastikan kenabiannya. Contoh kisah Talut dan Jalut serta kisah Zulkarnain.
- III. Kisah tentang peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW seperti hijrah, peperangan dan lain-lain.

Kisah-kisah di dalam al-Quran tidaklah didatangkan dengan sia-sia malah ia mempunyai banyak faedah kepada manusia. Antaranya ialah menerangkan asas-asas dakwah serta syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW, meneguhkan hati Rasulullah SAW dan seluruh umat Islam, memperkukuhkan hati orang mukmin berkenaan kemenangan kebenaran dan kehancuran kebatilan. Ianya juga sebagai pengiktirafan kebenaran para nabi terdahulu, menjelaskan kebenaran Rasulullah SAW serta menyingkap penipuan ahli kitab. Malah kisah yang terdapat dalam al-Quran sebagai salah satu bentuk sastera yang dapat menarik perhatian pendengar serta kesan yang mendalam kepada jiwa manusia (Mannāq al-Qaṭṭān, 2017).

Malah kisah yang dibawa dalam al-Quran seringkali dikaitkan dengan penegasan kebenaran kisah yang dibawa oleh Allah SWT serta

kewajipan beriman kepada Allah SWT. Ia dibuktikan dalam firman Allah SWT:

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾

Terjemahan: Sesungguhnya ini adalah kisah yang benar, dan tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan ingatlah sesungguhnya Allah Dia jualah yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Surah Ali Imran 3:62

4. KISAH REMAJA YANG MEMBENTUK JATI DIRI DENGAN KEIMANAN KEPADA ALLAH SWT.

Asas utama pembentukan jati diri muslim adalah akidah yang benar dan kukuh serta berada pada kebenaran. Akidah berada pada tahap istiqamah dalam kebenaran kerana manusia itu fitrahnya bersih dan bersedia menerima kebenaran dan kebaikan. Akidah yang benar adalah ukuran jati diri muslim, iman tidak akan sempurna melainkan dengan hati yang konsisten dan lurus (Ahmad Umar Hasyim, t,t). Jati diri seorang mukmin yang ideal mempunyai dua unsur yakni keimanan dan kekuatan. Dengan dua unsur ini manusia dapat melalui kehidupan dengan jati diri Islam yang menepati syariat Islam.

Kerohanian dalam diri manusia dibina dengan keyakinan atau kepercayaan akidah. Penting bagi seseorang memahami dan meyakini makna isi kandungan syahadah (penyaksian) bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh

Allah SWT. Keyakinan ini akan mendorong seseorang melaksanakan sunnah dan terpelihara daripada kesesatan ahli bid'ah.(Al-Ghazali, 1993). Unsur ini adalah satu penekanan terhadap keyakinan hari kebangkitan, azab kubur, syurga dan neraka, balasan baik buruk dalam kehidupan.

Tauhid merupakan perkara asas yang perlu diakui oleh orang-orang beriman hatta golongan kafir yang ingin beriman kepada Allah SWT. Nilai tauhid sebagai ukuran keimanan kepada Allah SWT. Para nabi diutuskan oleh Allah SWT kepada setiap umat bagi membina rasa bertuhan kepada Allah SWT, meyakini keberadaan Allah SWT dan menjalani kehidupan dengan aspek yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Pengakuan terhadap kepentingan tauhid bukan hanya diakui oleh orang Islam, malah orientalis iaitu Rene Descartes yang menyatakan bahawa beliau lemah dan tidak sempurna dalam proses mencari tuhan dan mengakui ada yang lebih sempurna yang wajar diketahui namun tidak pasti perkara tersebut. (Engku Ahmad Zaki, 2013). Pengkaji barat yakni Muller dalam bukunya *Anthropological Religion* menyatakan bahawa fakta membuktikan bahawa kepercayaan kepada wujudnya tuhan tidak dapat dinafikan kerana wujudnya sesuatu jauh daripada akal manusia dan sesuatu yang menjangkau kebiasaan.

Sayyid Qutb ketika membahaskan berkenaan kepentingan tauhid dalam kehidupan manusia turut memaparkan kategori ketauhidan manusia dalam kehidupan yakni *tauhid uluhiyyah* (peribadatan), *tauhid rububiyyah* (pemilikan), *tauhid qiwamah* (kepimpinan), *tauhid hakimiyyah* (kekuasaan), *tauhid masdar syariah* (sumber syariat), *tauhid*

manhaj hayah (manhaj kehidupan) dan *tauhid jihah* (tujuan) yang menjadi asas kepatuhan dan ketaatan manusia secara menyeluruh (Syed Qutb, 2013).

Yusuf al-Qardhawi dalam bukunya *Al-Hayah al-Rabbaniyyah wa al-‘Ilm* menyatakan bahawa tauhid adalah tunjang utama dalam kehidupan kerohanian Islam. Tauhid mempunyai empat syarat seperti yang telah dijelaskan di dalam al-Quran iaitu tidak berhajat kepada selain daripada Allah SWT, tidak menjadikan selain daripada Allah SWT sebagai penolong, tidak memerlukan hukum lain selain daripada hukum Allah SWT dan matlamat adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT. (Mohamad Kamil, 2011).

Ketauhidan kepada Allah SWT adalah salah satu proses pendidikan yang terdapat di dalam al-Quran untuk semua golongan manusia. Ia adalah satu metodologi fitrah yakni menerima kebenaran dan menolak kebatilan. Fitrah dalam beragama ialah kecenderungan secara tabi'i kepada kepercayaan wujudnya satu kuasa yang mengatasi kuasa lain. Tauhid adalah fitrah setiap manusia dan pengakuan tentang keesaan Allah SWT agar manusia tidak mengingkari petunjuk yang telah diberikan (Fathiyah, 2002).

Al-Quran memaparkan beberapa kisah remaja yang mempunyai keutuhan keimanan jati diri yang hebat. Antaranya Abu Ubaidah al-Jarrah yang disebut namanya di dalam al-Quran. Beliau mempunyai pendirian yang teguh dalam mempertahankan keimanan walaupun ditentang oleh keluarga. Nama penuh beliau ialah ‘Amir b. ‘Abd Allah b. Al-Jarrah al-Fihri al-Qurshi dan ia lebih dikenali dengan nama Abi Ubaidah (Abd al-Rahman Rafat al-Basha, 1992). Usianya dalam

lingkungan 30 tahun dan antara pemuda yang hebat pada zaman Rasulullah SAW. Keimanan beliau utuh tanpa dipengaruhi oleh keluarganya sehingga ayat al-Quran turun berkenaan dengan beliau dan ia dijanjikan syurga oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُولَئِكَ كَتَبَ فِي
قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ
اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١١٠﴾

Al-Mujadalah 58:22

Terjemahan: Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadanya.

dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam surga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. merekalah penyokong-penyokong (agama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.

Ayat tersebut menunjukkan bahawa orang yang beriman tidak akan mengalah dengan sesiapa sahaja dalam hal keimanan kepada Allah SWT. Ayat ini menyatakan bahawa orang yang beriman tidak bertoleransi dengan ayah mereka yang kafir yakni Abu 'Ubaydah Al-Jarrah membunuh ayahnya 'Abd Allah b. Al-Jarrah, Mus'ab b. Umair membunuh saudaranya Ubaidah b. Umair, dan 'Umar membunuh bapa saudaranya al-'Asr b. Hisham al-Mughirah (al-Baghawi, 2002). Ayat ini menunjukkan proses pembentukan jati diri Ubaidah Al-Jarrah dalam mempertahankan keimanan kepada Allah SWT walaupun terpaksa membunuh ayahnya sendiri. Kisah ini wajar dijadikan panduan kepada setiap remaja agar teguh mempertahankan akidah walaupun berhadapan dengan anasir negatif yang merosakkan akidah. Kekuatan jati diri dibentuk dengan keimanan kepada Allah SWT tanpa menyekutukanNya.

Abu 'Ubaidah al-Jarrah termasuk golongan yang awal masuk Islam selepas Abu Bakar Al-Siddiq. Beliau salah seorang yang dijamin masuk surga. Mempunyai keperibadian yang merendah diri, dan amat pemalu. Selepas menjadi pengikut Nabi Muhammad SAW, Abu Ubaidah al-Jarrah sanggup menghadapi kesulitan dan berani ketika berada di medan perang. Beliau mengikuti semua peperangan bersama Rasulullah SAW. Dalam Perang Badar, Abu Ubaidah al-Jarrah yang mempunyai konflik dengan ayahnya

cuba mengelak daripada bertembung dengan ayahnya yang berada dalam pasukan yang menentang Rasulullah SAW iaitu kaum Quraisy. Tetapi ayahnya bersumpah untuk membunuh anaknya sendiri kerana menjadi pengikut Rasulullah SAW. Dalam pertarungan itu Abu Ubaidah al-Jarrah membunuh ayahnya. Beliau amat sedih atas peristiwa yang berlaku sehingga turun ayat Al-Quran Surah al-Mujadalah ayat 22 berkenaan hal ini. Penentangan ini adalah kepada semua yang menentang Islam walaupun orang tersebut ayah kandung, anak, saudara atau keluarganya sendiri (Abdul Latip, 2008).

Remaja kedua yang disebut dalam al-Quran ialah Sa'ad bin Abi Waqqas. Beliau antara pemuda yang utuh mempertahankan akidah walaupun didesak oleh ibunya supaya meninggalkan agama Islam. Keimanan kepada Allah SWT menjadikan diri beliau tidak terpengaruh dengan ibunya serta sanggup kehilangan keluarga untuk agama. Ia wajar dijadikan contoh dalam proses pembentukan jati diri remaja dalam mempertahankan akidah dan menjadikan agama adalah lebih penting daripada hubungan kekeluargaan.

Firman Allah SWT:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ

فَلَا تُطِعْهُمَا إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨٠﴾

Al-Ankabut 29: 8

Terjemahan: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan daku (dalam ibadatmu) Dengan sesuatu yang engkau tidak

mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Ibu Saad bin Abi Waqqas bersumpah untuk tidak bercakap, tidak makan dan minum sehingga beliau meninggalkan agama Islam, (Muhammad b. Abd Allah al-Duwaish, 2014). Maka Allah SWT menurunkan ayat ini bagi menyatakan bahawa mempertahankan akidah adalah lebih utama daripada mempertahankan hubungan darah atau keturunan. Kisah Sa'ad bin Abu Waqqas jelas membuktikan bahawa keimanan beliau utuh tanpa mampu diganggu gugat walaupun oleh ibunya sendiri.

Nabi adalah manusia pilihan dalam kalangan manusia, malah akhlak dan sikap yang ditunjukkan dapat memberi contoh kepada manusia. Antara nabi yang namanya disebut dalam al-Quran ialah Nabi Ibrahim AS. Baginda adalah salah seorang remaja yang usia remajanya menyebarkan dakwah Islam. Baginda AS mempunyai keteguhan iman yang kukuh dalam diri serta hidup dalam lingkungan masyarakat yang menyembah berhala. Namun baginda berfikir akan keadaan peraturan sosial yang diamalkan pada ketika itu sama sekali tersasar daripada fitrah ketuhanan yang sebenar. Pertikaian tersebut adalah kerana usia remaja antara usia yang berlaku pertikaian peraturan sosial, ia berikutan remaja telah mampu mempersoalkan peraturan moral (Jas Laile Suzana Jaafar, 2008).

Firman Allah SWT:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٢﴾

Al-Nahlu 16:12

Terjemahan: Sesungguhnya Nabi Ibrahim adalah seorang imam yang dapat dijadikan teladan lagi patuh kepada Allah dan hanif. Dan sekali-kali bukanlah dia termasuk orang-orang yang menyekutukan (Allah).

Maksud Nabi Ibrahim AS sebagai *ummatan* membawa makna ia sebagai seorang yang beriman yang menyatukan masyarakat, seorang yang diberi hidayah dan mengikut sunnah serta seorang yang mempunyai sifat benar (Ibnu Abi Hatim, 2006). Nabi Ibrahim AS ialah pemimpin dalam kebaikan, taat dan patuh kepada Allah dan tidak mensyirikkan Allah. (Abd Allah Khayyat, t.t). Baginda AS dengan tegas menentang masyarakat pada masa tersebut yang menyembah berhala sebagai tuhan mereka dan berusaha untuk membuktikan bahawa berhala sama sekali tidak dapat memberi manfaat dan mudarat serta membuktikan bahawa tiada yang mampu menandingi kuasa Allah SWT.

Allah memuji hamba dan rasulnya yakni Nabi Ibrahim AS. Ia adalah Imam dan Allah membebaskannya daripada terkait dengan orang musyrik, yahudi dan nasrani dengan menyatakan bahawa Nabi Ibrahim adalah imam yang dijadikan teladan yang patuh kepada Allah. Ia adalah imam yang diikuti dan orang yang khusyuk dan taat. Nabi Ibrahim juga berpaling dari syirik dan kembali kepada mentauhidkan Allah (Ibnu Kathir, 2009). Pada masa tersebut hanya baginda AS yang beriman kepada Allah manakala yang lain kufur kepada Allah SWT. (al-Baghawi, 2002).

Kenyataan di atas memaparkan jati diri remaja lelaki yang disebut dalam al-Quran. Namun, tidak hanya remaja lelaki sahaja yang Allah SWT nyatakan, termasuk juga remaja wanita dalam al-Quran. Jika diteliti

dalam al-Quran, wanita dalam al-Quran diberi fokus kepada jati diri dalam menjaga maruah dan kehormatan diri. 340 kali sebutan kalimah yang membawa maksud wanita di dalam al-Quran. Pembentukan jati diri wanita dalam al-Quran disebut sebagai wanita yang tetap dalam ketaatan, khusyuk, bersedekah, berpuasa, mengingati Allah SWT, benar, sabar dan memelihara kehormatan (Sharifah Norshah, 2018).

Antara remaja wanita yang disebut dalam al-Quran adalah Mariam. Kisah mariam menunjukkan ketaatan wanita kepada Allah SWT. Jati diri Mariam dilihat mempunyai keteguhan iman kepada Allah SWT. Ketaatan beliau kepada Allah SWT jelas apabila ujian mengandungkan anak tanpa hubungan perkahwinan. Keimanan beliau tidak goyah malah bertambah utuh dengan reda dan menerima ujian tersebut.

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَا مَرْيَمُ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ وَطَهَّرَكِ
وَاصْطَفَاكِ عَلَىٰ نِسَاءِ الْعَالَمِينَ يَا مَرْيَمُ اقْنُتِي لِرَبِّكِ
وَاسْجُدِي وَارْكَعِي مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika Malaikat (Jibril) berkata: "Hai Maryam, sesungguhnya Allah telah memilih kamu, mensucikan kamu dan melebihkan kamu atas segala wanita di dunia (yang semasa dengan kamu). Hai Maryam, taatlah kepada Tuhanmu, sujud dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.

Surah Ali Imran 3: 42-43

Ibnu Kathir menyebut bahawa Allah SWT memberitahu bahawa para Malaikat memerintahkan kepada Maryam agar memperbanyak ibadah, khusyu', ruku', sujud, dan tekun dalam beramal untuk menghadapi apa yang dikehendaki Allah terhadap dirinya iaitu ketentuan dan ketetapanNya. Padanya ujian dan darjat yang tinggi di dunia mahu pun di akhirat. Dalam diri Mariam, Allah memperlihatkan kekuasaanNya yang Maha Agung menciptakan anak tanpa seorang ayah. Tanpa keutuhan iman dalam diri, Mariam tidak akan mampu reda dengan ketentuan Allah SWT. Ia bukti bahawa salah satu aspek keutuhan iman dalam diri adalah menerima ketentuan Allah SWT.

Daripada kisah tersebut jelas bahawa jati diri manusia dibina melalui pengamalan seseorang iaitu dengan menghubungkan diri seseorang dengan Allah SWT. Aspek ini adalah berkait rapat dengan ketaatan kepada Allah SWT. (Wan Nor Adibah, 2015). Taat kepada Allah SWT dalam meninggalkan dosa, taat dalam melaksanakan suruhan dan taat dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

Ketaatan akan melahirkan rasa takut kepada Allah SWT, iaitu rasa gementar dan rasa gerun dengan kekuatan dan kebesaran Allah SWT serta takutkan kemurkaanNya dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Takut yang paling rendah adalah takut yang dapat membawa seseorang untuk meninggalkan dosa dan berpaling dari dunia. Seseorang itu tidak akan merasai takut kepada Allah SWT jika tidak mengenalNya. Mengenal Allah SWT ialah dengan mengetahui sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat kesempurnaan bagi zatNya. (Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, 2015).

Daripada kisah yang dinyatakan iaitu kisah Ubaidah Al-Jarrah, Saad bin Abi Waqqas, Nabi Ibrahim AS dan Mariam menunjukkan bahawa jati diri remaja dibentuk dengan keteguhan akidah dan keimanan kepada Allah SWT. Sifat tersebut akan menjadikan seseorang mempertahankan kebenaran dan sanggup menerima kesan akibat mempertahankan keimanan. Remaja yang menjalani proses pembentukan jati diri dengan keteguhan iman akan mampu menghalang anasir negatif dalam kehidupan. Ia seterusnya menjadikan remaja mampu menilai kebaikan dan keburukan sesuatu perkara serta mengelakkan diri daripada perkara yang menyalahi syariat Islam.

5. KESIMPULAN.

Berdasarkan kisah yang dibahaskan, didapati jati diri ikon remaja di dalam al-Quran dibentuk dengan keteguhan keimanan kepada Allah SWT. Ianya diperolehi melalui keyakinan dan kekuatan keimanan dalam diri mereka terhadap kekuasaan Allah SWT. Keteguhan iman menjadikan remaja mengetahui akan perkara yang hak dan batil serta mampu menilai sesuatu yang baik dan buruk. Ia seterusnya menjadikan remaja mempunyai jati diri yang menepati syariat Islam dan mengelakkan remaja terlibat dengan unsur-unsur negatif dalam kehidupan.

6. RUJUKAN

- Abd Allah Khayyat.. t.t. *Tafsir al-Muyassar*. Jiddah: Maktabah al-Najjah.
- Abd al-Rahman b. Abi hatim. 2006. *Tafsir Ibnu Abi Hatim*. Lubnan : Dar Kutub al-‘ilmiyyah.
- Abd al-Rahman Rafat al-Basha. 1992. *Suwar Min Hayah al-Sahabah*. Beirut :Dar al-Nafais.
- Abdul Latip bin Talib. 2008. *Abu Ubaidah Penakluk Parsi*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ahmad Mohamad Said. 2009. *Jati diri dan Psikik Melayu*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Ahmad Umar Hasyim. *Syaksyiyah al-Muslim*, terj. H. Asmuni Solihan Zamakhsyari . Jawa Barat: Akademika Pressindo.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1993. *Ayyuha al-Walad* . Kaherah : Dar al-Tawzi’ wa al-Nasr al-Ismaliyyah.
- Dindin et al. 2017. Iman dan Amal Soleh Dalam al-Quran (Studi Kajian Semantik). *Al-Bayan: Jurnal Studi Al-Qur’an dan Tafsir* 2, 1 (Juni 2017): 10-20
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. 2002. “Pembangunan Akhlak Remaja Menurut al-Quran: Kajian Tentang Pendekatannya Terhadap Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-Sekolah Menengah di Ampang, Selangor Darul Ehsan. disertasi, Universiti Malaya.
- Hairunnaja Najmuddin. 2007. *Memahami Remaja dan Membimbing Remaja Nakal*. Selangor: PTS Profesional.

- Hairunnaja Najmuddin. 2007. *Memahami Remaja dan Membimbing Remaja Nakal* (Selangor: PTS Profesional)
- Hanina Halimatussaadiah Hamsan dan Mastura Mohamad. 2010. *Belia Berisiko Profil, Faktor Penyebab dan Inverventasi*. Putrajaya: Institut Pembangunan Belia Malaysia.
- Hanina Halimatussaadiah Hamsan dan Mastura Mohamad. 2010. “*Belia Berisiko Profil, Faktor Penyebab dan Inverventasi*,” .Putrajaya: Institut Pembangunan Belia Malaysia.
- Ibn Manzur. 1991. *Lisan al- ‘Arab* .Mesir: Dar al-Ma‘arif.
- Idris Ahmad, Kementerian Dalam Negeri, Dewan Rakyat, 17 Mei 2016.
- Jas Laile Suzana Jaafar.2008. *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*
Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan*. 2015. ed. Ke-4 .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Alavi et al., 2012. “*Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja*,”
Journal Of Social Sciences and Humanities 7
- Mannaq al-Qattan. 2017. *Mabahith Fi Ulum al-Quran*. Terj. Abdul Fatah Zakaria. Selangor: Darul Syakir.
- Melati Binti Sumari. 1997. “*Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Menangani Tekanan dan Puncanya*,” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Kamil Ab Majid. 2011. *Pemikiran Kerohanian Yusuf al-Qaradawi: Analisis Siri Bukunya al-Tariq Ila Allah*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya.
- Mohd Khairul Naim Che Nordin dan Mohd Fauzi Hamat. 2010. “*Sorotan Tentang Pembangunan Modal Insan dan Isu Remaja Kini*,” dalam

Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia, ed. Mustaffa Abdullah dan Faisal Ahmad Shah .Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Mohd Zohdi b.Mohd Amin.2014. Jin Menurut Perspektif Sunnah Dan Budaya Melayu: Analisis Kesan Kepercayaan Dalam Kalangan Remaja, Tesis Kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Muhammad al-Husain b. Mas'ud al-Baghawi. 2002. *Ma'alim al-Tanzil* Lubnan : Dar Ibn Hazm.

Muhammad b. Abd Allah al-Duwaish. 2014. *Syabab al-Sahabah*. Riyadh Midar al-Watan Li al-Nasr.

Muhd Shahrizal Nasir dan Nurazan Mohmad Rouyan. 2014. Qissah Quraniyyah Dalam Surah al-Kahfi Menyerlahkan Pengajaran (Ibrah) dan Fadilat Surah. *Ulum Islamiyyah Journal*. 131-156.

Sayyid Qutb. 2013. *Fiqh al-Da'wah: Mawdhu'at Fi al-Da'wah wa al-Harakah*, terj. Norsheilla Mohd Yusof. Selangor: Al-Hidayah House Of Publishers Sdn. Bhd

Sharifah Norshah. 2018. *Citra Jati Diri Wanita Menurut Perspektif al-Quran*. Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari.

Syaari Ab Rahman. 2019. *Di Bawah Teduhan Kisah-Kisah al-Quran*. Selangor: Paradigma Ibrah Sdn Bhd.

www.sinarharian.com.my, 1 Mei 2014

Zulkifli Mohd Yusoff, “*Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu*” (makalah, Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)

Peringkat Kebangsaan, Universiti Utara Malaysia, 4-6 September 2004).